



## SIARAN MEDIA

### PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

**“SIMPANAN RM500 PERCUMA RM500 UNTUK 500,000 PELAJAR”**

#### (PENGANJURAN MAJLIS)

1. PTPTN dikenali di kalangan rakyat di Malaysia. Masyarakat menyedari perihal pentingnya PTPTN dalam menyediakan pinjaman dan produk simpanan kepada semua lapisan masyarakat. **Pelbagai usaha dilakukan untuk membina sikap suka menabung di kalangan ibu bapa dan anak-anak.** Sememangnya menjadi hasrat dan misi PTPTN untuk membudayakan pengurusan sumber kewangan yang dinamik bagi memastikan anak-anak Malaysia berjaya ke menara gading tanpa dibebani dengan masalah kewangan.
2. Usaha murni tanpa mengenal erti jemu daripada PTPTN yang disokong pula dengan kerjasama daripada pelbagai pihak sebagaimana penglibatan semua pihak di dalam program ini dapat membantu masyarakat lebih memahami dan sedar untuk membuat penabungan sedari awal serta akan lebih konsisten untuk membuat simpanan bagi pendidikan demi masa depan anak-anak. Sebagai contoh, program pada hari ini adalah lebih fokus kepada penabungan atau simpanan pendidikan demi kepentingan dan masa depan rakyat Malaysia supaya PTPTN dikenali Sebagai Tabung Pendidikan.
3. **Ibu bapa seharusnya merebut apa sahaja peluang yang disediakan oleh PTPTN dan menyedari akan pentingnya pendidikan kepada anak-anak mereka, sudah pasti peluang untuk menabung tidak akan dilepaskan begitu sahaja.** Persediaan untuk menyimpan dan membuat penabungan dari awal adalah amat penting untuk keperluan pada masa hadapan berbanding meminjam. Dengan penabungan awal ini juga menunjukkan bahawa sesungguhnya kita amat mengharapkan agar anak kita berjaya hingga ke menara gading demi kesenangan mereka pada masa yang akan datang.

#### (SUMBANGAN RM50,000 SSPN1M)

4. Usaha meningkatkan dan memperkasakan penyampaian perkhidmatan bukanlah perkara baharu. Usaha ini penting bagi semua agensi untuk menyahut cabaran melaksanakan perubahan agar bersesuaian dengan peredaran masa. Oleh itu, PTPTN juga turut tidak ketinggalan, mengorak langkah melaksanakan perubahan

malah penganjuran majlis pada hari ini jelas menunjukkan bahawa PTPTN sentiasa berusaha dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para pelanggan melalui penyampaian perkhidmatan yang dinamik dengan memperkenalkan program-program yang baharu.

5. Penganjuran majlis hari ini oleh Yayasan Pendidikan Bandar Tun Razak merupakan program yang boleh dicontohi dalam mengarusperdanakan penabungan pendidikan di kalangan masyarakat Malaysia dan wajar menjadi ikutan pelbagai pihak.

6. **Yayasan Pendidikan Bandar Tun Razak kerana telah memberikan sumbangan berjumlah RM50,000 kepada 1000 orang pelajar berumur tujuh (7) hingga dua belas (12) tahun dalam bentuk deposit RM50 akaun SSPN1M.** Sumbangan ini diharapkan akan menjadi titik permulaan dan motivasi kepada ibu bapa dan pelajar untuk membuat penabungan secara konsisten.

#### **(SIMPAN RM500 PERCUMA RM500 INSENTIF GERAN SEPADAN BAJET 2018)**

7. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan Bajet 2018 yang lalu telah mengumumkan bahawa RM250 juta disediakan kepada 500 ribu pencarum berumur 7 hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang dijenamakan semula sebagai Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia atau SSPN1M.**

8. **Bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018, mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan bersih didalam akaun SSPN1M sebanyak RM500 untuk anak-anak mereka yang berumur tujuh (7) hingga dua belas (12) tahun atau sedang belajar di sekolah rendah layak menerima Insentif Khas Geran Sepadan ini iaitu deposit percuma bernilai RM500. Insentif Khas Geran Sepadan ini hanya boleh dikeluarkan apabila penerima manfaat mencecah usia lapan belas (18) tahun.**

#### **(SSPN1M PELAN SIMPANAN TERBAIK)**

9. **Kewujudan SSPN1M iaitu SSPN1M-i atau SSPN1M-i Plus (yang dahulunya dikenali sebagai SSPN-i/ SSPN-i Plus) sentiasa mendapat perhatian oleh Kerajaan dengan pelbagai insentif percuma merupakan suatu kebaikan dan keistimewaan yang disediakan kepada rakyat Malaysia setiap tahun. SSPN1M juga mempunyai ciri-ciri pelan simpanan terbaik yang disediakan oleh PTPTN.**

10. SSPN1M pelan simpanan terbaik kerana menawarkan pelbagai keistimewaan yang boleh diibaratkan sebagai dividen masa depan dengan pelaburan yang amat rendah dan tidak membebankan. Setiap simpanan mempunyai keistimewaan dan manfaat yang berganda kepada pendeposit.

**11. Rakyat Malaysia seharusnya tidak melepaskan peluang yang disediakan kerana insentif ini diperuntukkan kepada 500,000 akaun terawal.** Ibu bapa yang mementingkan kewangan untuk pembelajaran anak-anak di peringkat tinggi perlu mengambil tindakan segera dan tidak menunggu di saat-saat akhir. Jangan kerana sikap tunggu dan lihat, anak-anak tidak dapat menikmati percuma insentif geran sepadan kerana kehabisan peruntukan.

**12.** Bermula tahun 2018, ibu bapa seharusnya menanam azam untuk menyimpan secara konsisten dan melupakan pinjaman yang disediakan oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak. Ibu bapa yang menyediakan kewangan pendidikan tinggi yang mencukupi tidak akan membebankan anak mereka yang bergraduat kelak. Anak-anak mereka bebas hutang dan dapat menumpukan kepada kerjaya masing-masing.

**13.** Insentif khas geran sepadan RM500 ini merupakan insentif simpanan pendidikan yang amat baik kerana memberi motivasi kepada ibu bapa untuk memula dan meneruskan penabungan dan seterusnya menabung secara konsisten. Ia juga dapat membudayakan pelajar menyimpan lebihan perbelanjaan harian yang diterima oleh ibu bapa untuk membudayakan penabungan dari awal usia mereka.

#### **(PENUTUP)**

**14.** Pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam menjayakan amalan menabung kerana anak-anak kini lebih banyak menghabiskan masa di sekolah berbanding di rumah. Hal ini dapat menjadi penggerak kepada pelajar untuk meneruskan penabungan. Keazaman guru-guru dalam menyokong kempen penabungan ini dapat memupuk amalan menabung yang berpanjangan.

**15.** Pihak media juga penting dalam menyampaikan informasi berkaitan insentif yang diberikan khas **untuk kanak-kanak berusia tujuh (7) hingga dua belas (12) tahun atau sedang belajar di sekolah rendah kerana peruntukan hanya kepada 500,000 akaun terawal.**

**16.** Maklumat lanjut mengenai insentif geran sepadan percuma boleh diperolehi dengan melayari laman web iaitu [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau menghubungi **Careline 03 – 2193 3000.**